

NEWS CLIPPING

EVENT	MRT CORP UMUM 15 SYRIKAT KENDALI RUANG RUNCIT
Publication	BERITA HARIAN
Page/ Section	BISNES
Date	19 OCTOBER 2016
Time	


BISNES

KHAMS, 20 OKTOBER 2016 @ 10:59 AM

MRT Corp umum 15 syarikat kendali ruang runcit

Oleh Hazwan Faisal Mohamed
hazwanfaisal@bh.com.my

[Tweet](#) [Like](#) [Share](#) 139 [G+](#) [D](#)



HAMS (tengah) bersama 15 syarikat yang akan mengendalikan ruang runcit di 19 stesen bertingkat bagi laluan MRT Sungai Buloh-Kajang. - Foto NSTP

SERI KEMBANGAN: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) mengumumkan senarai 15 syarikat yang akan mengendalikan ruang runcit di 19 stesen bertingkat bagi laluan MRT Sungai Buloh-Kajang.

Pengarah Pengurusan Tanah dan Komersilnya, Datuk Haris Fadzilah Hassan, berkata 15 syarikat itu adalah antara 49 syarikat yang memohon pada April lalu.

Katanya, proses pembidaan dibuka dengan harga minimum yang berbeza bagi setiap ruang runcit.

"Setiap syarikat kemudian menghantar kadar sewa yang mereka mampu bayar dalam tender terbuka ini. Syarat lain dalam tender ini termasuk status kewangan dan pelan perniagaan syarikat.

"Proses pembidaan ini dibuat bagi memastikan ketelusan dalam menganugerahkan ruang runcit ini kepada syarikat yang layak.

"Proses ini juga untuk memastikan ruang runcit kami diberi kepada perniagaan yang terbaik sekali gus membolehkan syarikat mendapat pulangan terbaik dalam menyewakan ruang runcit ini yang juga sebahagian daripada sumber pendapatan penting MRT Corp," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis mengumumkan senarai syarikat yang terpilih mengendalikan ruang runcit di 19 stesen bertingkat MRT Sungai Buloh-Kajang, di Pusat Informasi MRT di sini, sebentar tadi.

15 syarikat berkenaan ialah FBC Resources Sdn Bhd; RB Gurney Sdn Bhd; Noras Delight; AJ Delicacies; CTC Bekalan & Binaan; Watson's Personal Care Stores dan Circle K Malaysia Sdn Bhd.

7-Eleven Malaysia Sdn Bhd; Infra Alfa Sdn Bhd; Mega Riajaya Sdn Bhd; Sugar Heritage Sdn Bhd; Monza Elegant Resources; Maxincome Resources Sdn Bhd dan Junshui Enterprise.